

## ANALISIS KEBERKESANAN KOMUNIKASI DAKWAH TERHADAP PELATIH DI PUSAT PEMULIHAN DARUL ISLAH

Mohd Hakim Arshad<sup>1</sup>  
Nur Aina Fashehah<sup>2</sup>  
Mariam Abd Majid<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Universiti Islam Selangor  
(e-mail: mohdhakim@kuis.edu.my)

---

**Abstract:** *Komunikasi Islam ialah proses bagaimana seseorang pendakwah berfungsi sebagai komunikator, berkongsi pengalaman dan maklumat dengan pendengar. Komunikasi Islam berasaskan nilai-nilai keagamaan yang bersumberkan Al-Qur'an dan Hadis. Ini kerana segala sesuatu yang berhubung dengan proses komunikasi, sama ada secara prinsip, kaedah, mesej, matlamat dan media hendaklah berasaskan panduan wahyu dan sunnah Rasulullah S.A.W. Akan tetapi, cabaran yang timbul dalam kalangan pendakwah dalam sesi menyampaikan dakwah terhadap pelatih yang penerimaan pelatih yang berbeza mengikut pendekatan komunikasi yang berbeza, samada dari caranya mahupun bentuknya. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengenalpasti keberkesanan komunikasi dakwah terhadap pelatih di Pusat Pemulihan Darul Islah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan edaran soal selidik terhadap pelatih yang menjadi subjek kajian. Hasil kajian mendapati kaedah komunikasi yang digunapakai diterima baik oleh pelatih dengan bahasa yang mudah difahami dan adanya komunikasi dua hala. Kajian ini memberikan implikasi terhadap usaha mempertingkatkan kualiti pendakwaan dalam kalangan pendakwah supaya pelatih di Darul Islah dapat mengamalkan ajaran Islam dengan sebenar.*

**Keywords:** *Keberkesanan, Komunikasi, Dakwah, Pelatih, Darul Islah*

---

### Pengenalan

Komunikasi dakwah ialah proses bagaimana seseorang pendakwah berfungsi sebagai komunikator, berkongsi pengalaman dan maklumat dengan pendengar. Komunikasi Islam berasaskan nilai-nilai keagamaan yang bersumberkan Al-Qur'an dan Hadis. Ini kerana segala sesuatu yang berhubung dengan proses komunikasi, sama ada secara prinsip, kaedah, mesej, matlamat dan media hendaklah berasaskan panduan wahyu dan sunnah Rasulullah S.A.W. Amalan komunikasi ini dikira ibadat dalam kehidupan umat Islam.

Komunikasi dakwah mencerminkan seseorang atau suatu kelompok menggunakan pendekatan komunikasi. Tujuan dari penggunaan dakwah adalah menyampaikan mesej dan bahan keagamaan. Selain itu, komunikasi memberikan maklumat agar mad'u tertarik untuk mengamalkan ajaran Islam. Seseorang atau suatu kelompok yang melakukan kegiatan dakwah tanpa disedari juga menggunakan pendekatan komunikasi. Walaubagaimanapun, pendekatan komunikasi akan berbeza-beza, samada dari cara penyampaian ataupun bentuknya berdasarkan kelebihan yang ada pada seorang pendakwah tersebut.

### **Kajian Literatur**

Didalam komunikasi dakwah ini dapat kita lihat tujuannya adalah bagi mengharapkan adanya penerima iaitu dalam mendengar idea dan pesanan dari komunikator ataupun disebut sumber komunikasi agar penyampaiannya itu memberi kesan dalam perubahan sikap dan tingkahlaku yang diharapkan. Manakala bagi dakwah ialah pendekatannya yang persuasif dan juga mengharapkan terjadinya perubahan atau pembentukan sikap dan tingkahlaku sesuai dengan ajaran-ajaran agama Islam.

Menurut Colin Chery, (2010) berdasarkan pendekatan sosiologi beliau mendefinisikan komunikasi sebagai suatu percubaan untuk penyatuan sosial penduduk dengan penggunaan bahasa, atau penetapan sendiri peraturan untuk pelbagai aktiviti bagi mencapai matlamat, komunikasi juga adalah satu aktiviti sosial yang bertujuan untuk memberikan informasi, membentuk pengertian, menghibur, bahkan juga mempengaruhi orang lain.

Jalaluddin Rakhmat (2010), berpendapat bahawa pendakwah atau orang yang menyampaikan (tabligh) mesej dakwah disebut dalam ilmu komunikasi sebagai komunikator atau orang yang menyampaikan mesej kepada pihak penerima atau mad'u. Secara umum komunikasi memiliki kecenderungan menyampaikan mesej-mesej yang sifatnya lebih umum, baik mengenai maklumat yang bersifat ilmiah ataupun yang lainnya. Komunikasi itu sendiri memiliki banyak hubungan dengan keilmuan-keilmuan umum seperti psikologi, serta ilmu-ilmu sosial yang lain.

Komunikasi dan dakwah menurut Jalaluddin Rakhmat dengan menggabungkan idea dakwahnya melalui kebolehan berkomunikasi yang baik, sehingga jelas bahawa komunikasi ataupun dakwah secara khusus tidak memiliki persamaan, namun secara umum persamaan antara komunikasi dan dakwah adalah pada mesejnya dimana mesej pada keilmuan pada bidang komunikasi lebih bersifat umum sedangkan mesej yang ada dalam keilmuan bidang dakwah lebih khusus pada bidang keagamaan Islam. Oleh itu, dapat dihuraikan disini bahawa dakwah ini sememangnya tidak boleh dipisahkan dengan komunikasi kerana segala penyampaian dakwah yang ingin disampaikan kepada madu' itu sendiri perlu pada komunikasi dalam menjelaskan mesej dakwah yang disampaikan tersebut.

Komunikasi ini bukan hanya dengan cara berinteraksi menggunakan kata-kata tetapi boleh juga digunakan melalui bahasa isyarat dan juga tabiat atau cara hidup seseorang, begitu juga dalam dakwah di mana para pendakwah bukan hanya berdakwah dengan memberi ucapan atau kata-kata sahaja tetapi penggunaan bahasa badan, bahasa isyarat, tingkah laku seseorang dan sebagainya, kesemuanya adalah dakwah yang mana bertujuan dalam menyebarkan agama Allah SWT.

Tujuan dakwah ataupun tujuan komunikasi ini mempunyai persamaan, dimana komunikasi dan dakwah ini mempunyai tujuan untuk mengubah tingkah laku sasaran yang berkomunikasi atau orang yang sedang menerima dakwah (madu') agar mengikuti seruan atau ajakan yang disampaikan. Dalam hal ini, jika dilihat kembali pada pengertian, unsur dan proses komunikasi yang telah dihuraikan ia mempunyai persamaan dengan semua unsur dan kegiatan dakwah.

Oleh itu, tidak kira tujuan itu daripada komunikasi mahupun tujuan daripada dakwah, kedua-duanya adalah proses dimana seseorang menginginkan perubahan sikap dan tingkah laku manusia atau objek komunikasi atau dakwah yang sesuai dengan harapan si pelaku. Tujuan yang hendak dicapai daripada komunikasi dakwah itu sendiri mempunyai tiga tujuannya. Pertama, tujuan awal dimana tujuan dari proses komunikasi dakwah itu adalah berlakunya perubahan pemikiran, sikap dan prilaku dari sasaran. Kedua, tujuan ini hanya difokuskan pada perubahan kehidupan di dunia sahaja. Manakala yang ketiga bagi tujuan komunikasi dakwah itu sendiri merangkumi kedua-dua tujuan diatas dan seterusnya pada tujuan yang terakhir di mana memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, dapat huraikan disini bahawa tujuan

komunikasi dakwah ini adalah membantu dalam menegakkan agama Allah dengan mengubah pemikiran, sikap dan tingkah laku seseorang dalam mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat serta memperoleh redha Allah S.W.T.

Berdasarkan dari firman Allah dalam surah An-Nahl: ayat 125 bahwa ada tiga metode dalam berdakwah yaitu Hikmah, Mauziah Hasanah, dan Mujadalah. Ketiga metode tersebut menunjukkan keperluan berdakwah bagi kita sebagai umat islam berdasarkan panduan yang telah diberikan oleh Allah SWT dan dikaitkan dengan firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 104. Ayat ini menunjukkan keperluan dakwah islamiyyah dalam kehidupan sehari-hari:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya :

Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.

Ali-Imran (3) :104

Ayat-ayat tersebut menunjukkan keperluan dakwah islamiyyah dalam kehidupan sehari-hari kita. Apabila kita mengkaitkan dengan keperluan komunikasi di dalam dunia dakwah, maksudnya peranan komunikasi ini begitu signifikan di dalam dunia dakwah. Hal ini adalah kerana salah satu cara yang banyak digunakan dalam usaha menyampaikan dakwah ialah melalui komunikasi berkesan, sehingga keutamaan atau tujuan dakwah kita sesuai dengan apa yang diharapkan. Maksudnya, terdapatnya kesesuaian pemahaman antara mubaligh atau penyampai dan mustami' atau pendengar.

Percakapan seseorang dalam berkomunikasi menentukan sejauh mana wawasan pengetahuan yang dimiliki oleh orang tersebut. Orang yang mempunyai luas ilmu pengetahuan dan pergaulannya lebih cenderung dalam melakukan komunikasi, adaptasi, dan sosialisasi. Sebaliknya orang yang kurang ilmu pengetahuan mahupun pergaulannya ia akan memperoleh permasalahan dalam menyampaikan sesuatu idea atau gagasan terutama ketika ia berinteraksi dengan orang lain.

Menurut Beach (Moekijat: 1993), dalam bukunya yang berjudul "*Personnel The Management People at Work*" mengatakan bahawa keperluan komunikasi dapat dilihat dari fungsi komunikasi tersebut, dimana fungsi komunikasi ialah : menyampaikan informasi pengetahuan dari satu orang kepada orang lain, sehingga akan terbentuk tindakan kerjasama, komunikasi membantu mendorong dan mengarahkan orang-orang untuk melakukan sesuatu, komunikasi membentuk sikap dan menanamkan kepercayaan untuk mengajak, meyakinkan, dan mempengaruhi perilaku. Oleh itu, daripada huraian tersebut pengkaji dapat menyimpulkan bahawa keperluan komunikasi dalam dakwah adalah satu perkara yang diperlukan bagi setiap manusia.

### **Ciri-Ciri Komunikasi Berkesan Dalam Dakwah**

Komunikasi berkesan merupakan komunikasi yang tepat dan berhati-hati dalam menyampaikan maklumat atau informasi sesuai dengan sasaran, sehingga adanya kesesuaian pemahaman antara sumber dan penerima. Menurut Pitfield, komunikasi yang efektif adalah bahawa maksud dan tujuan yang terkandung dalam komunikasi yang disampaikan sedemikian rupa, sehingga dapat difahami oleh kedua belah pihak.

Komunikasi berkesan boleh berlaku apabila kita sebagai pelaku komunikasi tersebut sentiasa menggunakan kata-kata yang berkesan dalam penyampaian informasi tersebut. Kata-

kata yang disebut sebagai berkesan jika dapat mewakili secara tepat isi fikiran komunikator. Kata-kata yang berkesan merupakan kata-kata yang disusun secara ringkas tetapi mempunyai daya informasi yang tepat dan dapat difahami oleh komunikator (Hendrikus, 1993).

Ada beberapa bentuk dari komunikasi berkesan tersebut, di antaranya :

- 1) Penjelasan ringkas, komunikator perlu menyadari bahawa mesej tersebut perlu mudah diterima dan difahami oleh sasaran.
- 2) Penggunaan bahasa yang sesuai. Maksudnya bahasa yang dipilih perlu sesuai, logik, dan mudah difahami sasaran.
- 3) Adanya penjelasan maksud penyampaian.
- 4) Penggunaan media komunikasi yang sesuai.

Ciri-ciri komunikasi efektif tersebut perlu dilaksanakan sehingga mewujudkan komunikasi yang baik antara pelbagai pihak yang berkomunikasi. Komunikasi efektif sangat penting dilakukan dalam dunia dakwah. Kadang-kadang dakwah yang dilakukan secara qauli dalam praktikalnya tujuan yang diharapkan tidak sesuai dengan apa yang dirancang.

Hal ini disebabkan belum terciptanya komunikasi yang efektif. Sehingga pesan yang disampaikan tidak sesuai dari tujuan asal. Banyak mubaligh profesional yang berdakwah dengan menggunakan cara atau metode yang unik. Contohnya, K.H Jujun Junaedi yang berdakwah dengan menyelitkan lawak-lawak yang menarik dan muzik yang boleh menarik perhatian para pendengar. Metode yang sedemikian tidak salah digunakan, namun kadang-kadang jika terlalu berlebihan maka isi dakwah yang ingin diterapkan tidak sampai kepada mad'u. Bertitik-tolak dari firman Allah dalam surah An-Nahl ayat 125, apabila kita korelasikan merupakan ayat yang menunjukkan perintah berdakwah secara efektif. Ertinya dalam ayat tersebut ada tiga metode yang diperintahkan Allah dalam berdakwah, iaitu Hikmah, Mauizah Hasanah, dan Mujadalah. Di antara ketiga-tiga metode tersebut menunjukkan kesan dari dakwah yang efektif untuk dijalankan.

Firman Allah :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّدْ لَهُم بِآيَاتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya : Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantulah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

An-Nahl (16) :125

### **Faktor Keberkesanan Komunikasi Dakwah**

#### 1) Suasana

Dalam proses komunikasi dakwah beberapa perkara perlu ditekankan antaranya adalah kawasan yang digunakan dalam menghayati agama, ianya sangat perlu diberikan perhatian. Ini kerana akan memberi kesan kepada pelatit dan membantu dalam menjalani proses pemulihan di Darul Iслаh. Mereka memerlukan suasana yang tenang dan jauh dari segala unsur yang boleh menyebabkan mereka kembali kepada tabiat lama mereka.

#### 2) Bahan Bantuan

Al-Qurtubi (1387H) mengatakan bahawa wasilah ialah jalan pendekatan yang memang diperlukan untuk mencapai tujuannya. Manakala al-Tahrir bin Asyur (2010) berkata bahawa wasilah adalah sesuatu yang dengannya seseorang sampai kepada Allah, Mendekatkan sang hamba kepada-Nya dengan melaksanakan perintah dan menjauhi larangan-Nya. Manakala Ibn Kathir pula menjelaskan bahawa wasilah adalah alat yang digunakan untuk mencapai tujuan yang dimaksudkan.

Jika kita hubungkan dakwah dan wasilah amat jelas sekali bahawa wasilah dakwah ialah cara yang digunakan untuk memudahkan sesuatu urusan sampai kepada matlamat dakwah iaitu mendekatkan diri dengan Allah.

Di dalam memastikan pelatih menerima apa yang disampaikan, penggunaan bahasa yang mudah difahami adalah sangat penting serta mengelakkan dari penggunaan bahasa yang tinggi kerana boleh menyebabkan pelatih sukar untuk mengingat apa yang disampaikan. Selain itu, pihak Darul Islah menjemput beberapa penceramah daripada luar dan badan-badan NGO Islam supaya mereka boleh mendapatkan penjelasan agama Islam dengan lebih meluas serta melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang diri mereka supaya dapat menghayati Islam dengan lebih lagi.

Bagi kalangan para pelatih yang kurang memahami dalam ilmu agama bahan bantuan sangat membantu mereka supaya dapat memudahkan mereka memahami serba sedikit tentang agama Islam. Selain itu, penggunaan kitab-kitab dapat membantu mereka dalam memperjelaskan ilmu agama yang mereka pelajari. Selain itu, dengan menunjukkan kepada mereka tayangan video yang berkaitan keagamaan ianya dapat memberi pendedahan tentang agama dan mereka dapat membuka minda mereka supaya mereka dapat melihat tentang hakikat sebenar dalam beragama.

### 3) Pegawai atau tenaga kerja

Tugas pegawai di dalam konteks ini bersamaan dengan tugas pendakwah ataupun da'i, ini kerana mereka bertanggungjawab bagi menyampaikan seruan kepada pelatih di Pusat Pemulihan Darul Islah. Menurut Mariam Abd. Majid (Pengantar Ilmu Dakwah, 2015, hlm.124) da'i berperanan sebagai penyeru kepada jalan Tauhid dan mengahapuskan amalan syirik di muka bumi, memberi khabar gembira kepada orang-orang beriman dan ancaman azab seksa kepada orang-orang yang ingkar. Orang yang melakukan tugas seperti da'i. Bertitiktolak dari firman Allah dalam Q.s al-Ahzab ayat 45-46.

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَبِرَاجَا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

Maksudnya:

Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutusmu untuk Jadi saksi, dan pembawa kabar gemgira dan pemberi peringatan, dan untuk Jadi penyeru kepada agama Allah dengan izin-Nya dan untuk Jadi cahaya yang menerangi.

al-Ahzab (33) : 45-46

### Metode

Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan kuantitatif yang akan menggunakan reka bentuk kajian soal selidik reponden dan analisis kandungan. Kaedah soal selidik akan melibatkan pelatih yang tinggal di Pusat Pemulihan Darul Islah, Sabak Bernam. Manakala analisis dokumen pula, berpandukan melalui jurnal, artikle, laman web dan sebagainya.

Menurut Othman Mohamed (2001), metodologi adalah suatu pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpulkan data. Metodologi merupakan suatu prosedur sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna. Bagi mendapatkan data yang baik ini, kaedah penyelidikan kajian tersebut haruslah sempurna dan mengikut prosudernya yang tersendiri. Ianya adalah bagi menjamin dapatan kajian yang dihasilkan nanti benar-benar terjamin mutunya. Seseorang pengkaji yang cermat mesti memastikan metod ataupun kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data, sesuai dengan jenis penyelidikan yang dijalankan.

Oleh itu, di dalam perancangan penyelidikan seseorang pengkaji juga perlu melibatkan pendekatan penganalisisan data yang akan digunakan. Sekiranya pendekatan penyelidikan itu lebih menjurus kepada pendekatan kuantitatif, maka penyelidik perlu membincangkan teknik statistik yang paling sesuai digunakan. Manakala jika pendekatan kualitatif menjadi fokusnya, maka kaedah seperti analisis tema perlu dibincangkan.

### Dapatan Kajian

Secara umumnya dapatan kajian ini diambil dari data analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawaian dijalankan bagi menentukan keberkesanan komunikasi dakwah dalam kalangan pelatih di Darul Islah seperti Jadual 3 di bawah.

**Jadual 1: KEBERKESANAN KOMUNIKASI DAKWAH TERHADAP PELATIH DI PUSAT PEMULIHAN DARUL ISLAH**

Kod	Item	Min	Sisihan Piawaian	Interpretasi
B1	Kawasan yang digunakan membantu dalam memahami agama	4.25	1.05	Tinggi
B2	Ia memberi satu minat dalam menghayati agama	4.11	0.92	Tinggi
B3	Memberi minat yang merangsang dalam memahami agama	4.17	0.91	Tinggi
B4	Ia membantu dalam memahami agama yang jelas	4.22	0.83	Tinggi
B5	Adanya komunikasi dua hala yang berlaku	3.89	1.01	Tinggi
B6	Memudahkan dalam memahami agama	4.08	1.03	Tinggi
B7	Ia membantu dalam memperjelaskan tentang agama	4.11	0.92	Tinggi
B8	Memberi panduan agama yang jelas	4.11	0.82	Tinggi
B9	Memberi pendedahan tentang agama	4.17	0.91	Tinggi
B10	Membantu dalam fokus dalam sesuatu penyampaian	3.92	0.82	Tinggi
B11	Memberi penerangan yang jelas terhadap agama	4.28	0.91	Tinggi
B12	Memberi tarikan dalam memahami agama	4.17	0.94	Tinggi
B13	Membantu dalam menjawab soalan mengenai agama	4.31	0.85	Tinggi
B14	Menjadi satu tarikan dalam memberi kaunseling	4.03	0.69	Tinggi

B15	Membantu dalam menjelaskan tentang agama	4.42	0.85	Tinggi
	<b>Min keseluruhan</b>	<b>4.30</b>	<b>0.47</b>	<b>Tinggi</b>

Dalam Jadual diatas terdapat tiga faktor dimana pengakji pecahkan kepada tiga faktor yang memberi kesan keberkesanan komunikasi dakwah iaitu faktor suasana, bahan bantuan dan pegawai. Item-item ini di analisis mengikut sekala pengukuran skor min yang telah ditetapkan.

Setiap item bagi faktor keberkesanan komunikasi dakwah dalam kalangan para pelatih keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item B15 (Membantu dalam menjelaskan tentang agama) iaitu nilai min = 4.42 dengan sisihan piawaian = 0.85. Diikuti dengan item B11 (Memberi penerangan yang jelas terhadap agama) yang mendapat nilai min yang tinggi juga iaitu nilai min = 4.28 dengan sisihan piawaian = 0.91. Manakala item yang mendapat nilai min yang rendah tetapi masih lagi berada pada tahap tinggi iaitu item B5 (Adanya komunikasi dua hala yang berlaku) dengan nilai min = 3.89 dengan sisihan piawaian = 1.01. Item B10 (Membantu dalam fokus dalam sesuatu penyampaian) juga mendapat nilai min yang rendah tetapi masih berada dalam tahap tinggi dengan nilai min = 3.92 dengan sisihan piawaian = 0.82. Keseluruhannya, nilai min faktor keberkesanan komunikasi dakwah berada pada tahap tinggi iaitu mencatatkan nilai min = 4.30 dan sisihan piawaian = 0.47.

Di Pusat Pemulihan Darul Islah mereka menyediakan satu kawasan di mana pelatih yang berada di zon merah (kritikal) mereka akan diletakkan di satu kawasan yang berasingan dengan pelatih yang lain, mereka perlu tinggal di situ dan menerima tarbiyah dalam tempoh waktu yang ditetapkan bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh pelati. Manakala pelatih-pelatih yang lain tinggal di pondok-pondok yang telah disediakan. Alunan selawat dan zikir sentiasa bergema di kawasan Darul Islah, ianya secara tidak langsung memberi kesan kepada para pelatih supaya sentiasa mengingati Allah. Dengan cara itu, ianya memberi minat bagi merangsang para pelatih dan dapat memahami agama dengan suasana yang tenang. Selain itu, hubungan antara pegawai dan pelatih di Darul Islah tidak ubah seperti ahli keluarga dan para pelatih tidak lupa akan batas mereka. Mereka saling membantu antara satu sama lain dan dengan cara itu membuatkan para pelatih menjadi selesa untuk berkomunikasi dan meluahkan masalah mereka.

Sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas pelatih, penerangan yang jelas terhadap agama adalah perkara pokok yang perlu dititikberatkan kerana ianya berkaitan dengan soal akidah para pelatih. Mereka haruslah menyampaikan perkara yang sah dan tepat supaya tiada salah faham yang berlaku kelak. Dalam menyampaikan dakwah kepada pelatih, para pegawai menggunakan pelbagai jenis tarikan kepada para pelatih dalam memahami agama. Pelbagai aktiviti dijalankan bagi menarik minat mereka terhadap agama Islam. Para pelatih datang dari pelbagai jenis latar belakang serta berbeza kesalahan yang dilakukan, oleh itu pegawai di pusat latihan memberikan pendekatan dakwah yang berbeza pada setiap pelatih mengikut tahap.

Ketika proses pemulihan sedang berjalan, banyak perkara baharu yang para pelatih temui tentang agama kerana ada sebelum ini ada di kalangan mereka yang tiada asas tentang agama kerana tiada pendedahan yang diberikan kepada mereka. Oleh itu, banyak perkara yang bermain di dalam fikiran mereka dan para pegawai bertanggungjawab membantu dalam menjawab soalan-soalan mengenai agama. Di samping itu para pegawai berperanan dalam memberikan kaunseling kepada pelatih untuk mereka terus istiqamah dalam membuat perubahan dalam diri mereka supaya mereka tidak terjebak dengan perkara yang sama.

## Kesimpulan

Komunikasi Dakwah ini adalah satu medium atau jalan yang utama dalam memberi kesedaran agama pada para pelatih dalam membantu mereka mencari hala tuju kehidupan mereka yang lebih sempurna. Dalam memberi kesedaran agama kepada mereka pengukuhan

komunikasi dakwah dalam diri penyampai dan juga penganjur perlu di perkukuhkan bagi penyampaian itu mampu menusuk ke dalam hati mereka.

Oleh itu, komunikasi dakwah ini perlu di titik beratkan dalam semua faktor iaitu suasana, bahan yang diberi, pegawai, penyampai, dan input yang hendak disampaikan. Disamping itu juga, pihak yang terlibat secara langsung perlu mengambil berat dalam memperkukuhkan lagi ilmu agama dalam membantu pelatihnya untuk menyedari kepentingan agama dalam hidup mereka supaya mereka lebih memahami yang mana baik dan yang mana buruk serta mereka juga akan menghargai segala masa dan kelakuan yang mereka akan tempuhi di dalam kehidupan mereka.

## Rujukan

- Nur A‘Thiroh Masyaa’il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao.2009.*Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim*. Journal Hadhari Of University Kebangsaan Malaysia :Bangi.
- Dr.Muhammad Yusof Khalid.2011.*Prinsip Dan Amalan Komunikasi*.Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hazura bt Ab Bakar.2009.*Hubungan Antara Penghayatan Agama,Nilai Hidup Dan Pengetahuan Alam Sekitar Pelajar Muslim*.Penerbit:Universiti Sains Islam Malaysia.
- Prof Madya Dr.Zulkiple Abd Ghani.*Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar:Analisis Terhadap Pandangan Al-Imam Al-Ghazali*.UKM: Bangi
- Kamal Azmi Abd.Rahman.Et.Al. 2014. Asas-asas Ilmu Penyelidikan Islam. Kolej Universiti Islam Antarbangsa Selangor (KUIS): Bangi.
- Mohamad Firdaus Syurki B. Zulkifli.2012.*Komunikasi Interpersonel:Kajian Dalam Kisah Nabi Musa Dengan Firaun*.KUIS: Bangi .
- Ab.Mumin Ab.Ghani. 2006. *Dimensi Pengurusan Islam:Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*.Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Nawawi bin Haji Yaakob. 2000.*Penghayatan Komunikasi Islam Dalam Pengurusan di Kalangan Pengetua dan Komitmen Guru*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasruddin Bin Yunos.2002.*Konsep Komunikasi dan Peranannya Dalam Pembinaan Islam*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban) Fakulti Sastera dan Sains Sosial,Universiti Malaya,Kuala Lumpur.
- Asep Syamsul M. Romli.2013.*Komunikasi Dakwah:Pendekatan Praktis*.Indonesia.
- A. Markarma.2014.*Komunikasi Dakwah Efektif Dalam Perspektif Alquran*.Palu Sulawesi Tengah.
- Luth Tohir.2005.*M.Natsir Dakwah dan Pemikirannya*, Gema Insani, Jakarta.
- Hafied Cangara. 2005. *Pengantar Ilmu Komunikasi*. Jakarta: Grafindo.
- Haji Toto Tasmara. 1997.*Komunikasi Dakwah*. Gaya Media Pratama: Jakarta.
- Hafied Cangara.1998. *Pengantar Ilmu komunikasi*. Raja Grafindo Persada: Jakarta.
- Hisham al-Talib.1992.*Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*. Nurin Enterprise: Kuala Lumpur.